

# Penuntut IPTA kutuk Israel

## Peristiwa

DARI Abdullah bin Umar r.a, Rasulullah SAW bersabda, *Seorang muslim adalah saudara bagi muslim lainnya, tidak menzalimi atau mencelakakannya. Barang siapa membantu kesulitan saudaranya sesama muslim dengan menghilangkan satu kesusahan darinya, nescaya Allah akan menghilangkan darinya satu kesusahan di antara kesusahan-kesusahan di hari kiamat. Dan barang siapa menutupi aib seorang muslim, nescaya Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat.* (riwayat Bukhari).

Saban hari kita mendengar berita tentang keganasan tentera Israel terhadap rakyat Palestin. Kaum wanita dan kanak-kanak kecil merupakan mangsa yang paling ramai terkorban di atas keganasan Israel yang tidak dapat dibendung.

Atas rasa simpati dan kesedaran yang tinggi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan Program Rapat Umum yang merupakan sokongan kepada Palestin. Antara objektif program rapat umum ini adalah memberi sokongan kepada rakyat Palestin dari segi moral dan kewangan.

Langkah ini juga adalah bertepatan dengan semangat persaudaraan sesama

Muslim. Ini dijelaskan menerusi firman Allah yang bermaksud: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.* (al-Hujurat: 10)

Di samping, ia bertujuan memupuk nilai-nilai murni di kalangan warga USIM. USIM juga

menganjurkan kutipan derma segera untuk membantu rakyat Palestin yang teraniaya akibat pencerobohan Israel di Semenanjung Gaza.

Sejak 24 hari lalu, Israel mencerooboh dan menyerang rakyat Palestin di Semenanjung Gaza. Sehingga kini, kezaliman pihak zionis itu mengorbankan lebih 1,100 penduduk termasuk kanak-kanak dan wanita.

Tabung derma ini telah diedarkan seminggu yang lalu sehingga ke hari ini untuk misi bantuan kemanusiaan dari segi perubatan dan kewangan untuk diserahkan kepada pihak yang bertanggjawab.

Acara dimulakan dengan laungan



**BERSATU MENENTANG KEZALIMAN ISRAEL..** sebahagian pelajar dan kakitangan USIM pada Rapat Umum di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.



**KANAK-KANAK** dari Pusat Perkembangan Tunku Puteri Intan Safinaz yang menyertai aktiviti mewarna poster 'Selamatkan Kanak-Kanak' di UUM, Sintok, Kedah.

takbir Allahuakbar oleh semua warga USIM dan perarakan bermula dari Bangunan Canselori menuju Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.

### Acara

Acara diteruskan dengan ucapan bermula dengan wakil pelajar, Farid Din, seterusnya wakil pensyarah, Nizamuddin Zakaria, wakil kakitangan pentadbiran, Mohd. Salehudin Sukor yang turut membacakan sajak tentang keganasan di Palestin.

Acara diteruskan dengan ucapan kata-kata semangat oleh Naib Canselor

USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin. Lebih 5,000 kakitangan dan pelajar USIM menyertai rapat umum ini.

Beliau turut menyeru warga USIM secara sukarela untuk memotong satu hari gaji untuk didermakan kepada rakyat Palestin dan mengumpamakan walau satu sen pun yang didermakan, ia sangat bernilai seolah-olah mendermakan 'penawar' kepada rakyat Palestin.

Beliau juga berharap agar semua warga USIM berhati-hati dalam menghulurkan bantuan kerana dalam situasi begini ada pihak yang cuba menanggung di air keruh iaitu

menggunakan nama Palestin untuk kepentingan sendiri.

Di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, bergema 30 puisi yang menyatakan rasa simpati terhadap kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin.

Majlis Santai Puisi bertemakan 'Darah di Gaza' berlangsung di ruang legar Canselori UUM turut memperdengarkan bacaan puisi daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr. Ahmad Faiz Hamid bertajuk 'Duri dan Aku', pensyarah dan pelajar UUM yang membacakan puisi tentang perjuangan dan kemanusiaan.

### Menarik

Program secara santai dalam pelbagai bahasa ini turut menarik penyertaan daripada pelajar antarabangsa yang turut meluahkan rasa simpati kepada saudara mereka di Gaza.

Berlangsung hampir tiga jam, program ini menjadi wadah mengumpulkan warga UUM untuk menunjukkan rasa keprihatinan terhadap keganasan yang berlaku di Asia Barat.

Kumpulan Nasyid Firdaus dan kumpulan muzik Pusat Budaya dan Seni juga tidak ketinggalan melahirkan simpati mereka melalui lagu masing-masing iaitu 'Dunia Yang Lebih Indah' dan 'Perjalananku'.

Menariknya, seramai 27 kanak-kanak dari Pusat Perkembangan Tunku Puteri Intan Safinaz juga berkongsi kesedihan yang menimpa rakan-rakan sebaya mereka di negara tersebut melalui aktiviti mewarna poster 'Selamatkan Kanak-Kanak'.

Pada majlis itu, UUM turut melancarkan Tabung Untuk Palestin.



**DR. AHMAD FAIZ HAMID**